

# **AKTA IBU KOTA PERSEKUTUAN 1960 (AKTA 190)**

## **PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PENASIHAT BANDARAYA KUALA LUMPUR 1989**

**P.U. (A) 172/1989**

---

### **SENARAI PINDAAN :**

|          |                         |  |  |
|----------|-------------------------|--|--|
| <b>1</b> | <b>P.U.(A) 449/1993</b> |  |  |
| <b>2</b> | <b>P.U.(A) 418/1996</b> |  |  |
| <b>3</b> | <b>P.U.(A) 215/2001</b> |  |  |
| <b>4</b> |                         |  |  |
| <b>5</b> |                         |  |  |
| <b>6</b> |                         |  |  |
| <b>7</b> |                         |  |  |
| <b>8</b> |                         |  |  |

P.U. (A) 172.

AKTA IBU KOTA PERSEKUTUAN 1960

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PENASIHAT  
BANDARAYA KUALA LUMPUR 1989

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 7 (2) Akta Ibu Kota Persekutuan 1960, Yang di-Pertuan Agong Akta 190. membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 1989.** Nama.

2. Lembaga Penasihat yang kemudian daripada ini disebut "Lembaga", yang ditubuhkan di bawah seksyen 6 Akta hendaklah terdiri daripada— Kecanggotaan Lembaga Penasihat.

- (a) seorang pegawai dari Kementerian yang bertanggungjawab mengenai Wilayah Persekutuan; dan
- (b) dua orang ahli yang dinamakan oleh Raja dalam Mesyuarat Negeri Selangor; dan
- (c) sepuluh orang ahli yang lain yang tidak memegang apa-apa jawatan sepenuh masa dalam mana-mana perkhidmatan awam dan majoriti daripada mereka hendaklah orang-orang yang biasanya bermastautin dalam Bandaraya Kuala Lumpur yang mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan atau yang telah memperolehi kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian, atau selainnya mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan-kepentingan kaum-kaum mereka dalam Bandaraya Kuala Lumpur.

3. (1) Seseorang ahli di bawah perenggan (b) peraturan 2 hendaklah memegang jawatan sehingga penamaannya ditarik balik oleh Raja dalam Mesyuarat atau sehingga seorang lain dilantik mengambil tempatnya atas penamaan Raja dalam Mesyuarat. Tempoh jawatan.

(2) Seseorang ahli di bawah perenggan (c) peraturan 2 hendaklah memegang jawatan bagi sesuatu tempoh, tidak melebihi tiga tahun dari tarikh perlantikannya, sebagaimana dinyatakan dalam suratcara perlantikannya dan adalah layak dilantik semula.

4. (1) Pengarah Pejabat Urusetia hendaklah menjadi Setiausaha bagi Lembaga dan hendaklah bertanggungjawab bagi memanggil semua mesyuarat Lembaga, menyimpan segala rekod dan minit dan menjalankan tugas-tugas lain sebagaimana diarahkan oleh Dato Bandar atau Lembaga. Setiausaha bagi Lembaga.

(2) Dalam masa ketiadaan Pengarah Pejabat Urusetia, seorang pegawai Dato Bandar yang lain sebagaimana yang dilantik olehnya hendaklah menjalankan tugas-tugas Setiausaha bagi Lembaga.

Penamatan  
keahlian.

5. Seseorang ahli di bawah perenggan (c) peraturan 2 yang—
- (a) tanpa sebab yang munasabah tidak hadir pada dua mesyuarat biasa Lembaga berturut-turut; atau
  - (b) telah didapati atau diisytiharkan sebagai tidak sempurna akal; atau
  - (c) telah menjadi seorang muflis; atau
  - (d) memegang jawatan sepenuh masa dalam mana-mana perkhidmatan awam; atau
  - (e) telah dihukum penjara bagi tempoh tidak kurang dari satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit,

hendaklah disifatkan sebagai telah berhenti daripada menjadi ahli Lembaga.

Elaun.

6. Seorang ahli Lembaga hendaklah dibayar elaun sebanyak tujuh puluh lima ringgit untuk menghadiri setiap mesyuarat Lembaga atau jawatankuasanya:

Dengan syarat bahawa jumlah elaun yang patut dibayar di dalam sesuatu bulan hendaklah tidak melebihi lima ratus ringgit.

Kuorum.

7. Tiada apa-apa urusan melainkan urusan penangguhan boleh dilakukan oleh Lembaga jika bantahan dibuat oleh mana-mana ahli yang hadir bahawa terdapat kurang daripada enam orang ahli yang hadir selain daripada orang yang mempengerusikan mesyuarat.

Keputusan  
mengikut  
majoriti.

8. Tertakluk kepada seksyen 8 (2) Akta, sesuatu keputusan majoriti daripada ahli-ahli Lembaga yang hadir dan mengundi di sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah disifatkan sebagai keputusan Lembaga.

Mesyuarat  
Lembaga.

9. (1) Lembaga hendaklah mengadakan sekurang-kurangnya enam mesyuarat biasa tiap-tiap tahun.

(2) Mesyuarat khas Lembaga boleh dipanggil pada bila-bila masa oleh Dato Bandar dan hendaklah dipanggil atas permintaan mana-mana empat orang ahli.

10. Peraturan-peraturan Ibu Kota Persekutuan (Lembaga Penasihat) 1961 adalah dibatalkan. Pembatalan.  
P.U. 91/61.

Diperbuat pada 16hb April 1989.

[PHEU. 2 56/84; PN. (PU<sup>2</sup>) 168 Pt. II; JPM. BKWP. (S) 01/9/1.]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI DATO' SALLEHUDDIN BIN MOHAMED,  
*Setiausaha Jemaah Menteri*

### FEDERAL CAPITAL ACT 1960

#### ADVISORY BOARD OF THE CITY OF KUALA LUMPUR REGULATIONS 1989

In exercise of the powers conferred by section 7 (2) of the Federal Capital Act 1960, the Yang di-Pertuan Agong makes the following regulations: Act 190.

1. These Regulations may be cited as the **Advisory Board of the City of Kuala Lumpur Regulations 1989**. Citation.
2. The Advisory Board, hereinafter referred to as "the Board" established under section 6 of the Act shall consist of— Composition of the Advisory Board.
  - (a) an officer from the Ministry charged with the responsibilities for the Federal Territory; and
  - (b) two members nominated by the Ruler in Council of the State of Selangor; and
  - (c) ten other members who do not hold any whole-time office in any of the public services and the majority of whom shall be persons ordinarily resident in the City of Kuala Lumpur who have wide experience in local government affairs or who have achieved distinction in any profession, commerce or industry, or are otherwise capable of representing the interests of their communities in the City of Kuala Lumpur.
3. (1) A member under paragraph (b) of regulation 2 shall hold office until his nomination is withdrawn by the Ruler in Council or until another person is appointed in his place on the nomination of the Ruler in Council. Term of office.  
 (2) A member under paragraph (c) of regulation 2 shall hold office for such term, not exceeding three years from the date of his appointment, as may be specified in his instrument of appointment and shall be eligible for reappointment.
4. (1) The Director of the Secretariat shall be the Secretary of the Board and shall be responsible for calling all meetings of the Board, keeping all records and minutes, and carrying out such other duties as may be directed by the Commissioner or the Board. Secretary of the Board.

(2) In the absence of the Director of the Secretariat, such other officer of the Commissioner as may be appointed by him shall carry out the duties of the Secretary of the Board.

Termination  
of member-  
ship.

5. A member under paragraph (c) of regulation 2 who—
- (a) without reasonable cause absents himself from two consecutive ordinary meetings of the Board; or
  - (b) has been found or declared to be of unsound mind; or
  - (c) has become a bankrupt; or
  - (d) holds a whole-time office in any of the public services; or
  - (e) has been sentenced to imprisonment for a term of not less than one year or to a fine of not less than two thousand ringgit,

shall be deemed to have ceased to be a member of the Board.

Allowance.

6. A member of the Board shall be paid an allowance of seventy-five ringgit for attending any meeting of the Board or of its committee:

Provided that the total allowance payable in any one month shall not exceed five hundred ringgit.

Quorum.

7. No business except that of adjournment shall be transacted by the Board if objection is taken by any member present that there are less than six members present apart from the person presiding.

Decision  
by majority.

8. Subject to section 8 (2) of the Act, a decision of the majority of the members of the Board present and voting at a meeting of the Board shall be deemed to be a decision of the Board.

Meetings  
of the  
Board.

9. (1) The Board shall hold at least six ordinary meetings each year.

(2) A special meeting of the Board may be called at any time by the Commissioner and shall be called at the request of any four members.

Revocation,  
L.N. 91/61.

10. The Federal Capital (Advisory Board) Regulations 1961 are revoked.

Made the 16th April 1989.

[PHEU. 2 56/84; PN. (PU<sup>2</sup>) 168 Pt. II; JPM. BKWP. (S) 01/9/1.]

By Command,

TAN SRI DATO' SALLEHUDDIN BIN MOHAMED,  
*Secretary to the Cabinet*

**P.U.(A) 449 / 1993**

## P.U. (A) 449.

## AKTA IBU KOTA PERSEKUTUAN 1960

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PENASIHAT BANDARAYA KUALA  
LUMPUR (PINDAAN) 1993

*Akta 190.* PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 7(2) Akta Ibu Kota Persekutuan 1960, Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

*Nama.* 1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur (Pindaan) 1993.**

*Pindaan peraturan 2. P.U. (A) 172/89.* 2. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 1989 adalah dipinda dengan memasukkan, selepas perenggan (a), perenggan yang berikut:

“(aa) seorang pegawai dari Kementerian Kewangan; dan

(ab) seorang pegawai dari Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri; dan”.

Dibuat pada 29hb Oktober 1993.

[JHEU<sup>2</sup> 56/84 Pt. III; JPM. BKWP. (S) 01/9/1; PN. (PU<sup>2</sup>) 168/II.]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,  
*Setiausaha Jemaah Menteri*

## FEDERAL CAPITAL ACT 1960

ADVISORY BOARD OF THE CITY OF KUALA LUMPUR (AMENDMENT)  
REGULATIONS 1993

*Act 190.* IN exercise of the powers conferred by subsection 7(2) of the Federal Capital Act 1960, the Yang di-Pertuan Agong makes the following regulations:

*Citation.* 1. These regulations may be cited as the **Advisory Board of the City of Kuala Lumpur (Amendment) Regulations 1993.**

*Amendment of regulation 2. P.U. (A) 172/89.* 2. Regulation 2 of the Advisory Board of the City of Kuala Lumpur Regulations 1989 is amended by inserting, after paragraph (a), the following paragraphs:

“(aa) an officer from the Ministry of Finance; and

(ab) an officer from the Economic Planning Unit of the Prime Minister's Department; and".

Made the 29th October 1993.

[JHEU2.56/84 Pt. III; JPM. BKWP. (S) 01/9/1; PN. (PU<sup>2</sup>) 168/II.]

By Command,

TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,  
*Secretary to the Cabinet*

P.U. (A) 450.

AKTA PIHAK BERKUASA BERSAMA MALAYSIA—  
THAILAND 1990

PERATURAN-PERATURAN PIHAK BERKUASA BERSAMA MALAYSIA—  
THAILAND (PROSEDUR PERAKAUNAN) 1993

PEMBETULAN

DALAM P.U. (A) 410 yang disiarkan pada 9hb Disember 1993—

- (1) gantikan perkataan "subperenggan" dalam subperaturan 5(3) teks bahasa kebangsaan dengan perkataan "subperaturan";
- (2) masukkan koma selepas perkataan "iaitu" di baris pertama perenggan 12(2)(l) teks bahasa kebangsaan; dan
- (3) potong perkataan "in" di baris pertama perenggan 12(2)(j) teks bahasa Inggeris.

[UPE. (R) 40/277/13 Jld. X; PN. (PU<sup>2</sup>) 520.]

MALAYSIA-THAILAND JOINT AUTHORITY ACT 1990

MALAYSIA-THAILAND JOINT AUTHORITY (ACCOUNTING PROCEDURE)  
REGULATIONS 1993

CORRIGENDUM

IN P.U. (A) 410 published on the 9th December 1993—

- (1) substitute the word "subperaturan" for the word "subperenggan" in subregulation 5(3) of the national language text;
- (2) insert a comma after the word "iaitu" in the first line of paragraph 12(2)(l) of the national language text; and
- (3) delete the word "in" in the first line of paragraph 12(2)(j) of the English text.

[UPE. (R) 40/277/13 Jld. X; PN. (PU<sup>2</sup>) 520.]

**P.U.(A) 418/1996**



MALAYSIA

**Warta Kerajaan**  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 40  
No. 18

**29hb Ogos 1996**

**TAMBAHAN No. 62**  
**PERUNDANGAN (A)**

**P.U. (A) 418.**

**AKTA IBU KOTA PERSEKUTUAN 1960**

**PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PENASIHAT BANDARAYA**  
**KUALA LUMPUR (PINDAAN) 1996**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 7(2) Akta 190, Ibu Kota Persekutuan 1960, Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur (Pindaan) 1996.** Nama.
2. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 1989 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "tujuh puluh lima" dengan perkataan "satu ratus lima puluh". Pindaan peraturan 6. P.U. (A) 172/89.

Dibuat pada 17 Julai 1996.

[JHEU<sup>2</sup>/56/84; JPM. BKWP(S) 01/9/1 Jld. II;  
PN. (PU<sup>2</sup>) 168/11.]

Dengan Titah Perintah,

**TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,**  
*Setiausaha Jemaah Menteri*

## FEDERAL CAPITAL ACT 1960

ADVISORY BOARD OF THE CITY OF KUALA LUMPUR (AMENDMENT)  
REGULATIONS 1996

*Act 190.* IN exercise of the powers conferred by subsection 7(2) of the Federal Capital Act 1960, the Yang di-Pertuan Agong makes the following regulations:

*Citation.* 1. These regulations may be cited as the **Advisory Board of the City of Kuala Lumpur (Amendment) Regulations 1996.**

*Amendment of regulation 6.  
P.U. (A) 172/89.* 2. Regulation 6 of the Advisory Board of the City of Kuala Lumpur Regulations 1989 is amended by substituting for the words "seventy-five" the words "one hundred and fifty".

Made 17 July 1996.

[JHEU<sup>2</sup>/56/84; JPM BKWP(S) 01/9/1 Jld. II;  
PN. (PU<sup>2</sup>) 168/11.]

By Command,

TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,  
*Secretary to the Cabinet*

## P.U. (A) 419.

## AKTA SETEM 1949

## PERINTAH DUTI SETEM (PENGECCUALIAN) (No. 21) 1996

*Akta 378.* PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949, Menteri membuat perintah yang berikut:

*Nama dan mula berkuatkuasa.* 1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengeccualian) (No. 21) 1996** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 28 Jun 1996.


*Pengeccualian.* 2. Apa-apa duti yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 berkenaan dengan Perjanjian Pinjaman bertarikh 28 Jun 1996 antara Kerajaan Malaysia sebagai peminjam dengan The Meiji Mutual Life Insurance Company, Japan sebagai pemberi pinjaman berkenaan dengan suatu pinjaman sebanyak Yen 4,100,000,000 (Yen Jepun: Empat Ribu Satu Ratus Juta) yang akan disediakan kepada peminjam oleh pemberi pinjaman bagi tujuan membolehkan peminjam membiayai semula sebahagian daripada peringkat nilai pinjaman Yen yang sedia ada, adalah dengan ini dikeccualikan.

Dibuat 24 Julai 1996.

[Perb. S(50.37) 248/24/4-33]; PN. (PU<sup>2</sup>) 159/XVIII.]

ANWAR IBRAHIM,  
*Menteri Kewangan*

**P.U.(A) 215/2001**



MALAYSIA

**Warta Kerajaan**  
**SERI PADUKA BAGINDA**  
**DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 45  
No. 15

**26hb Julai 2001**

*TAMBAHAN No. 65*  
*PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 215.**

**AKTA IBU KOTA PERSEKUTUAN 1960**

**PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PENASIHAT BANDARAYA  
KUALA LUMPUR (PINDAAN) 2001**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 7(2) Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*], Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur (Pindaan) 2001**.

(2) Peraturan-peraturan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2001.

**Pindaan peraturan 6**

2. Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 1989 [*P.U. (A) 172/89*] dipinda dengan menggantikan peraturan 6 dengan peraturan yang berikut:

- “Elaun. 6. Seseorang ahli Lembaga hendaklah dibayar elaun tetap bulanan sebanyak enam ratus ringgit untuk menghadiri sesuatu mesyuarat Lembaga atau mana-mana daripada jawatankuasanya”.

Dibuat 9 Mei 2001.  
[JHEU2/56/84; PN(PU<sup>2</sup>)168/11]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN  
*Setiausaha Jemaah Menteri*

## FEDERAL CAPITAL ACT 1960

ADVISORY BOARD OF THE CITY OF KUALA LUMPUR  
(AMENDMENT) REGULATIONS 2001

IN exercise of the powers conferred by subsection 7(2) of the Federal Capital Act 1960 [*Act 190*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Advisory Board of the City of Kuala Lumpur (Amendment) Regulations 2001**.

(2) These Regulations shall be deemed to have come into operation on 1 January 2001.

**Amendment of regulation 6**

2. The Advisory Board of the City of Kuala Lumpur Regulations 1989 [*P.U. (A) 172/89*] are amended by substituting for regulation 6 the following regulation:

“Allowance. 6. A member of the Board shall be paid a monthly fixed allowance of six hundred ringgit for attending a meeting of the Board or any of its committees”.

Made 9 May 2001.  
[JHEU2/56/84; PN(PU<sup>2</sup>)168/11]

By Command,

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN  
*Secretary to the Cabinet*

## P.U. (A) 216.

## AKTA IMIGRESEN 1959/63

## PERINTAH IMIGRESEN (PENGEQUALIAN) 2001

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 55 Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Imigresen (Pengecualian) 2001**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2001.